

# Risau banjir lumpur berulang

*Sesi dialog selesai isu, pemaju setuju tingkatkan sistem tebatan*

**NORAFIZA JAAFAR**

**SELAYANG** - Pemaju sebuah projek lebuh raya Taman Templer di sini, bersetuju mempertingkatkan lagi sistem tebatan berhampiran kawasan projek untuk mengelak insiden banjir berulang.

Perkara itu diputuskan wakil pemaju ketika sesi dialog bersama penduduk Kampung Sepakat, di sini, yang dipengerusikan Adun Taman Templer, Datuk Seri Subahan Kamal.

Subahan berkata, dalam tempoh enam bulan setelah projek berkenaan dimulakan tahun lalu, penduduk kawasan itu mengalami banjir lumpur tiga kali.

"Perkara ini (banjir) akan terus berlarutan sekiranya pihak berkaitan seperti pemaju dan jabatan berkaitan tidak menjalankan peranan masing-masing.

"Koordinator juga perlu di-

bentuk memastikan permasalahan itu dibincangkan bagi mencari penyelesaian terutamanya membabitkan penyelenggaraan sungai," katanya.

Difahamkan, banjir lumpur itu adalah terburuk sejak penduduk tinggal di kawasan terbabit lebih 20 tahun lalu.

Permasalahan banjir ini juga pernah dilaporkan *Sinar Harian* dan dianggarkan 35 keluarga terlibat dalam kejadian itu.

Sungai yang dahulunya dijadikan sumber air berubah keruh selepas hutan di kawasan projek ditebang dan mendapan lumpur berlaku setiap kali hujan.

Penduduk juga kini hidup dalam kebimbangan setiap kali hujan kerana aliran air kini bukan hanya melalui sungai tetapi membentuk saliran baru dan memasuki kawasan perumahan.

Menurut Subahan, Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) perlu melakukan pemantauan dan pembersihan berkala.

"Sebelum ini, kerja pembersihan dibuat tetapi hanya selepas banjir berlaku dan tiada penyelenggaraan berkala menyebabkan sungai gagal menampung jumlah air apabila hujan lebat.

"Dalam pada itu, Unif Penyelaras Pelaksanaan (ICU) memperuntukkan RM100,000 bagi projek penyelenggaraan terutamanya mendalam dan melebar sungai serta kita jangkakan kerja tersebut dilaksanakan minggu depan," katanya.

Hadir sama pada sesi dialog itu adalah wakil Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Gombak. Sementara difahamkan, tiada wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam sesi dialog berkenaan.



**Perbincangan penyelenggaraan sungai melibatkan penduduk dan Subahan bersama wakil syarikat pemaju.**